

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 06.10.2025 MASA: 8:30PG

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PROJEK CARETON  
BERSAMA TETRA PAK DAN NESTLE MILO UHT  
MALAYSIA BAGI KEMPEN KUTIPAN KOTAK  
MINUMAN UNTUK DIKITAR SEMULA**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**7 OKTOBER 2025 (SELASA)  
3.00 PETANG**

**CONCEPT HALL AUTO-CITY, JURU  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

**Yang Berusaha Puan Jessica Funk**

Brand Manager Sustainability Lead, Milo Malaysia

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Gary Teoh Kiang Hong**

Managing Director,

Golden Highway, Golden Highway Auto City Sdn Bhd

**Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

Merangkap Penyelaras Program Careton Bersama Tetra Pak Dan

Nestle Milo Uht Malaysia Bagi Kempen Kutipan Kotak Minuman

Untuk Dikitar Semula

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

## **Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia  
MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh bermakna ini dalam **Majlis Perasmian Program Projek Careton Bersama Tetra Pak Dan Nestle Milo UHT Malaysia Bagi Kempen Kutipan Kotak Minuman Untuk Dikitar Semula.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, atas kesudian hadir merasmikan majlis ini meskipun jadual Yang Berhormat amat padat. Kehadiran Yang Berhormat pada petang ini membuktikan sokongan padu serta komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menjayakan agenda kelestarian alam sekitar dan pembangunan hijau demi kesejahteraan rakyat.

3. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang setulusnya kepada pihak Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd., Nestlé MILO UHT Malaysia serta Concept Hall Auto-City, Juru atas sokongan penuh menjayakan program ini. Sesungguhnya, kerjasama strategik antara pihak swasta dan pihak berkuasa tempatan amat signifikan dalam mengangkat martabat amalan kitar semula di negeri kita.

4. Hadirin sekalian,

Projek Careton ini merupakan inisiatif pendidikan masyarakat yang amat bertepatan dengan keperluan semasa. Ia bukan sekadar kempen mengutip dan mengitar semula kotak minuman, bahkan ia adalah gerakan kesedaran yang menekankan kepentingan amalan 8R; *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover* dan *Recycle*.

Berdasarkan rekod tahun 2024, sebanyak 76,791 kilogram kotak minuman berjaya dikumpulkan untuk dikitar semula di Seberang Perai. Hasil daripada usaha ini, kotak minuman berkenaan berjaya ditukar menjadi 'eco board', yang kini digunakan dalam bentuk kerusi dan kotak pengumpulan kitar semula di Menara Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Bayangkan, sebuah kerusi 'eco board' diperbuat daripada 18,000 kotak minuman yang dikitar semula – bukti nyata bahawa sisa bukanlah sekadar buangan, tetapi boleh ditransformasi menjadi sumber baharu yang memberi manfaat kepada masyarakat.

5. Program pada hari ini juga menyediakan pameran pendidikan, aktiviti interaktif, hadiah menarik serta ganjaran kepada pengunjung yang membawa kotak minuman untuk dikitar semula. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan penglibatan masyarakat, malah menanam rasa bangga dan kepuasan diri apabila setiap usaha kecil yang dilakukan dapat memberi impak besar terhadap kelestarian alam sekitar.
6. Hadirin yang saya hormati,  
  
Seberang Perai kini sedang bergerak ke arah menjadi sebuah bandar raya rendah karbon yang resilien, inklusif, hijau dan kompetitif. Namun, kejayaan ini hanya dapat dicapai dengan kerjasama semua pihak – kerajaan, pihak berkuasa tempatan, swasta, komuniti, malah setiap individu. Justeru, saya menyeru kepada semua hadirin agar menjadikan program ini sebagai titik tolak kepada perubahan gaya hidup lebih lestari dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.
7. Harapan saya agar Projek Careton ini menjadi pemangkin kepada budaya kitar semula yang berterusan dan bukan sekadar kempen bermusim. Biarlah setiap kotak minuman yang kita gunakan tidak berakhir di tapak pelupusan sampah, sebaliknya diproses semula untuk menjadi sesuatu yang bermanfaat. Dengan cara ini, kita bukan sahaja mengurangkan pencemaran, bahkan kita sedang mewariskan

bumi yang lebih bersih, sihat dan sejahtera kepada generasi akan datang.

8. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Tetra Pak, Nestlé MILO UHT Malaysia dan Concept Hall Auto-City, Juru; atas dedikasi dan sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan majlis pada petang ini. Semoga usaha murni ini terus diberkati dan menjadi teladan kepada pihak lain untuk turut sama tampil melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mereka demi masa depan yang lebih hijau dan lestari.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***